

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]**

**SOALAN NO. 173**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah manfaat yang akan diterima oleh rakyat menerusi liberalisasi sektor tenaga yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan dan apakah kesan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Liberalisasi sektor tenaga melalui program *Reimagining Malaysian Electricity Supply Industry* atau dikenali sebagai MESI 2.0 yang telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini dijangka akan memberikan manfaat kepada pengguna seperti berikut:

- a) memberikan pilihan kepada pengguna untuk memilih pembekal elektrik selain Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan pembukaan sektor peruncitan;
- b) memberi peluang kepada pengguna untuk membeli secara terus daripada mana-mana penjana elektrik pada masa akan datang melalui pembukaan Akses Pihak Ketiga (*Third Party Access – TPA*); dan
- c) penawaran kadar tarif yang lebih kompetitif kepada pengguna melalui pelaksanaan inisiatif berikut:

- (i) mekanisme pasaran elektrik baru tanpa *Power Purchase Agreement* (PPA);
  - (ii) pembelian bahan api arang batu dan gas daripada mana-mana pembekal bahan api dan tidak terhad kepada TNB Fuel dan PETRONAS; dan
  - (iii) penambahbaikan ke atas perkhidmatan pembekalan elektrik kepada pengguna.
2. Pelaksanaan MESI 2.0 ini dijangka akan memberikan kesan yang minimum kepada TNB memandangkan aset-aset yang dimiliki oleh TNB akan kekal bersama syarikat tersebut. Pembukaan sektor runcit pula dijangka akan memberikan kesan minimum kepada TNB memandangkan pendapatan daripada sektor tersebut hanya menyumbang sekitar 1% kepada pendapatan keseluruhan TNB.
3. Dalam masa yang sama, liberalisasi sektor bekalan elektrik ini juga akan dapat meningkatkan lagi persaingan dan ketelusan industri. Dengan adanya persaingan yang lebih tinggi, TNB akan dapat meningkatkan lagi kecekapan operasi syarikat berkenaan.

Sekian, terima kasih.